

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 15 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

### Banci Malaysia 2020 indikator penting tentukan agihan kekayaan saksama

#### Banci Malaysia 2020 indikator penting tentukan agihan kekayaan saksama

**SHAH ALAM** - Data yang diperoleh menerusi Banci Penduduk dan Perumahan 2020 atau ringkasnya Banci Malaysia 2020 akan menjadi indikator terperinci dan mikro yang amat signifikan dalam memastikan dasar serta polisi dapat digubal bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi serta agihan kekayaan yang lebih saksama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia sekali gus akan mengurangkan jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, willyah dan rantaian bekalan di negara ini serta memastikan kelestarian alam sekitar terjaga.

“Bagi tujuan tersebut, sudah pastilah keperluan mengeluarkan pelbagai data dan indikator di peringkat terperinci dan mikro amat signifikan.

“Maklumat bukan lagi diperlukan di peringkat negeri mahupun daerah malah di peringkat muhim, lokaliti seperti tanah mahupun kampung.

“Perkara ini amat diperlukan supaya kerajaan dapat menggubal polisi bersasar dan pengagihan kesejahteraan kepada rakyat secara saksama,” katanya.

Ismail Sabri berkata, usaha itu juga menyokong rancangan pembangunan lima tahun ke arah merealisasikan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 iaitu Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) yang telah digariskan sebelum ini.

Katanya, melalui rancangan itu kerajaan dapat menggubal dan melaksanakan dasar fiskal bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta menguruskan pengagihan sumber kewangan dengan cekap dan berkesan.

“Statistik Banci Penduduk dan Perumahan dapat memberi gambaran sebenar mengenai situasi kependudukan semasa Malaysia termasuklah saiz, taburan, komposisi dan ciri sosio-ekonomi penduduk serta perumahan.

“Berikut-tolak daripada maklumat yang diperoleh inilah kerajaan akan dapat menentukan bagaimana pembentukan kerajaan bernilai berbilion ringgit Malaysia dapat dibelanjakan di seluruh negara,” ujar beliau.

Bancian terkini dalam penemuan utama Banci Malaysia 2020 itu mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk di negara meningkat sebanyak 1.7 peratus dalam tempoh 10 tahun dengan jumlah penduduk direkodkan adalah 32.4 juta orang.